

SAMBUTAN AIDILFITRI KUKUM 2002

Majlis sambutan ini telah diadakan dengan penuh meriah pada 23 Disember 2002 yang lalu di perkarangan Kolej Kediaman Pelajar A, Taman Aman, Bintong bermula jam 8.00 hingga 11.00 malam. Majlis ini telah dihadiri oleh tetamu-tetamu terhormat seperti Y.B Dato' Dr. Mat Isa Sabu yang mewakili Y.A.B. Menteri Besar Perlis, pemimpin-pemimpin masyarakat dan ketua-ketua jabatan seluruh negeri Perlis. KUKUM juga menjemput penduduk sekitar Taman Aman, penduduk Tambun Tulang dan juga penduduk Kampung Seri Gelam. Tidak dilupakan juga ialah seluruh warga KUKUM bersama ahli keluarga masing-masing yang telah hadir pada majlis yang sungguh meriah ini. Acara-acara seperti karaoke serta nasyid dari staf dan juga pelajar KUKUM sendiri serta pemberian duit raya oleh Rektor KUKUM telah menyerikan lagi Sambutan Aidilfitri yang diadakan pada julung kali ini.

LAWATAN STAF KUKUM KE KAMPUS KEJURUTERAAN USM

Pada 28 Disember 2003 staf KUKUM telah mengadakan lawatan ke Kampus Kejuruteraan USM di Nibong Tebal. Rombongan ini telah diketuai oleh Rektor KUKUM sendiri, Profesor Dr. Kamarudin Hussin. Lawatan ini bertujuan untuk mendedahkan staf kepada pentadbiran dan pembangunan Kampus Kejuruteraan serta pengurusan makmal dan pengendalian alat jentera. Ia juga secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua buah universiti. Semoga lawatan ini dapat memberi manfaat serta pengalaman yang berguna dalam meningkatkan kecemerlangan KUKUM pada masa hadapan!

PUASA SUNAT 6

Kempen Puasa Sunat 6 telah dikelolakan oleh Jawatankuasa Sambutan Puasa Sunat 6 yang di pengurusan oleh Profesor Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal. Ia diadakan sempena menyambut bulan Syawal yang lalu. Kempen ini telah mendapat sambutan yang baik oleh warga KUKUM. Bagi mengakhiri Kempen Puasa Sunat 6 ini, satu Majlis Berbuka Puasa telah diadakan pada 1 Januari 2003 lalu.

KEMPEN DERMA DARAH

Kempen Derma Darah anjuran KUKUM diadakan pada julung kalinya dengan kerjasama Jabatan Patologi Hospital Kangar. Ia telah diadakan pada 16 Januari 2003 jam 9.30 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Dewan Ilmu, Tingkat 10, Bangunan KWSP. Penglibatan yang amat memberangsangkan telah dilihat dari seluruh warga KUKUM yang terdiri daripada pensyarah, pelajar dan kakitangan.

Kempen ini bertujuan untuk menampung bekalan tabung darah di Hospital Kangar.

LAWATAN KERJA KE INDIA

Pada 19 Januari 2003 yang lalu, Y.Bhg. Profesor Madya Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Rektor (Akademik) telah mengetuai delegasi KUKUM ke India dalam rangka kerja untuk melawat universiti-universiti di sana. Di antara universiti yang dilawati ialah Anna University, Indian Institute Technology di Chennai dan India Institute of Science di Bangalore. Tujuan lawatan ke universiti-universiti tersebut adalah untuk menemuduga bakal pensyarah bagi mengisi jawatan-jawatan di KUKUM. Delegasi juga turut disertai oleh Encik Ku Halim Ku Ariffin dari Jabatan Pendaftar dan Encik Abd. Rahman Mohd Saad dari Pusat Kejuruteraan.

TAKLIMAT REJIMEN 504

Rejimen 504 Askar Wataniah telah mengadakan satu majlis taklimat, pameran dan pendaftaran pada 25 Januari 2003 yang lalu. Majlis ini telah diadakan di Dewan Pok Kassim KUKUM, Kubang Gajah. Tujuan diadakan taklimat ini adalah untuk memberi gambaran serta galakan kepada warga KUKUM untuk menyertai Askar Wataniah. Taklimat ini telah disampaikan oleh Mejar Azizan. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Profesor Madya Dr. Ismail Daut yang seterusnya telah menyampaikan ucapan aluan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Rejimen 504 Askar Wataniah, Kem Bukit Keteri.

MESYUARAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HEP) KALI KE -138

KUKUM telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Timbalan-timbalan Naib Canselor/Rektor (HEP) kali ke-138 pada 28 Januari 2003 yang lalu. Seramai 40 orang delegasi telah menghadiri mesyuarat tersebut. Mesyuarat ini dijalankan di Bilik Mesyuarat, Aras 11, Bangunan KWSP. Selain itu, para delegasi juga dibawa melawat tempat-tempat menarik sempena Tahun Melawat Perlis 2003-2005. Seluruh warga KUKUM mengucapkan 'Selamat Datang' kepada para delegasi!

BENKEL INDUKSI KE ARAH KECEMERLANGAN AKADEMIK

Bengkel anjuran Projek Majlis Perundangan Ke Arah Kecemerlangan Pelajar ini telah dijalankan pada 29 Januari hingga 30 Januari 2003. Bengkel yang dianjurkan oleh Unit Latihan ini mempunyai objektif bengkel seperti ini adalah untuk memberi idea-idea dan juga membantu tenaga pengajar dalam proses pengajaran serta memberi teknik-teknik pengajaran secara berkesan. Bengkel yang berlangsung dua (2) hari berturut-turut ini telah disertai oleh kakitangan akademik

KUKUM. Semoga bengkel seperti ini dapat membantu dalam melahirkan tenaga pengajar dan pensyarah yang komited dan cemerlang!

KURSUS KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

Pada 7 Februari hingga 9 Februari 2003 yang lalu, Jabatan Hal Ehwal Pelajar KUKUM telah menganjurkan Kursus Kepimpinan MPP KUKUM sesi 2002/2003. Kursus yang diadakan selama 3 hari ini telah diadakan di The Harvana Hotel, Pantai Cenang, Langkawi. Objektif diadakan kursus ini ialah bagi menyediakan kepimpinan MPP KUKUM dengan input kepimpinan selaras dengan misi dan visi KUKUM. Selain itu, kursus ini adalah sebagai medium perbincangan pembentukan pelan strategik MPP KUKUM. Seramai 25 orang pelajar yang terlibat dalam MPP telah menyertai kursus ini. Penyelaras bagi kursus ini adalah Encik Hasmid Jusuoh.

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA KUKUM

Pada 14 Februari 2003 bersamaan dengan hari Jumaat satu majlis sambutan Hari Raya Aidiladha telah diadakan di Kampus Kubang Gajah. Tiga ekor lembu telah dikorbankan untuk ibadah tersebut. Ibadah korban yang diadakan memberi peluang kepada staf KUKUM yang ingin melaksanakannya. Korban yang ditetapkan bagi satu bahagian lembu ialah RM 300 dan bagi seekor lembu ialah RM 2000. Daging korban telah diagihkan kepada staf KUKUM. Majlis kenduri turut diadakan pada masa yang sama. Y.A.B. Dato' Seri Shahidan Kasim, Menteri Besar Perlis turut menghadiri diri bagi memeriahkan majlis. YAB turut sama menyumbangkan seekor lembu untuk dikorbankan. Semoga majlis seperti ini dapat diadakan pada setiap tahun kerana majlis ini dapat mengeratkan ukhwh Islamiah sesama warga KUKUM serta menghayati pengertian ibadah korban ini.

PENGSTRUKTURAN SEMULA KELAB KAKITANGAN KUKUM

Mesyuarat khas ini telah diadakan pada 17 Februari 2003 yang lalu di Bilik Mesyuarat, Aras 11, Bangunan KWSP. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan pengstrukturkan semula organisasi Kelab Kakitangan KUKUM. Mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh presidennya, Encik Mohd Ezral Baharudin juga telah memutuskan penggabungan Kelab Sukan, Rekreasi dan Kebudayaan (KESURIA) ke dalam Kelab Kakitangan KUKUM. Beberapa program dan aktiviti-aktiviti menarik untuk kakitangan KUKUM turut dibincangkan pada mesyuarat tersebut.

PAMERAN DAN PROMOSI KUKUM

KUKUM telah menyertai pameran EDUCare 2003 pada 20 Februari hingga 23 Februari 2003 yang lalu. Pameran tersebut telah diadakan di Pusat Dagangan Terengganu. Pada masa yang sama KUKUM juga telah menyertai satu lagi pameran di Multimedia Universiti di Ayer Keroh Melaka. Pameran diadakan bertujuan mempromosikan KUKUM kepada pihak luar terutamanya pelajar lepasan sekolah dan matrikulasi. Pameran di kedua-dua tempat ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pengunjung. Semoga KUKUM menjadi IPTA pilihan bagi para pelajar melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan dan menjadi sebuah universiti yang dikenali ramai suatu hari nanti!

SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1424 PERINGKAT KUKUM

Bersempena Hari Maal Hijrah pada 3 Mac 2003/1424 H, KUKUM telah mengadakan Majlis Sambutan Maal Hijrah pada 6 Mac yang lalu. Majlis tersebut telah diadakan di Dewan Pok Kassim 200 Kampus Kubang Gajah. Majlis yang telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Rektor dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan diteruskan dengan persembahan nasyid dan juga anugerah penghargaan Maal Hijrah. Pengurniaan Tokoh Maal Hijrah 1424 H peringkat KUKUM telah dianugerahkan kepada Yang Berbahagia Rektor, Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Semoga beliau akan dicontohi oleh seluruh warga KUKUM.

KEJOHANAN BADMINTON TERTUTUP - KUKUM 2003

Pada 5 Mac 2003, KUKUM telah menganjurkan Kejohanan Badminton Tertutup peringkat KUKUM telah diadakan. Kejohanan ini disertai oleh ramai kakitangan KUKUM dari seluruh jabatan termasuk Yang Berbahagia Rektor sendiri. Kejohanan ini telah dilangsungkan di Dewan Badminton, Kangar. Johan telah disandang oleh pasangan beregu Encik Shuhaimi Zakaria dan Encik Ahmad Shaufi. Naib johan pula telah disandang oleh pasangan beregu Encik Ku Ismafaizul Ku Ismail dan Encik Mohd. Faizan Kasim. Majlis penyampaian trofi serta sijil penyertaan telah diadakan dan disampaikan sendiri oleh Yang Berbahagia Rektor di perkarangan Pusat Pengajian, Kampus Kubang Gajah.

MALAM ASPIRASI BAKAT & SENI KEBUDAYAAN KUKUM

KUKUM dengan jayanya telah menganjurkan Malam Aspirasi Bakat & Seni Kebudayaan

KUKUM 2003 pada 19 Mac 2003 lalu. Majlis penuh warna-warni ini telah dilangsungkan di Auditorium Taman Budaya Negeri Perlis. Pelbagai acara menarik telah diadakan pada malam tersebut antaranya pertandingan akhir nyanyian karaoke, tarian seni kebudayaan, cabutan bertuah, persembahan kugiran dan juga persembahan lawak jenaka. Majlis turut diserikan lagi dengan kehadiran Yang Berhormat Senator Ismail B. Kassim serta tetamu-tetamu VIP yang lain. Malam Aspirasi Bakat & Seni Kebudayaan ini diadakan untuk mencungkil dan mengenengahkan bakat di kalangan kakitangan KUKUM di samping mempromosikan nama KUKUM di mata masyarakat. Acara kemuncak pada malam tersebut ialah pengumuman juara pertandingan karaoke yang telah dimenangi oleh Wan Nor Hanum Che Megat Dewa dari Unit Komunikasi Korporat. Naib juara pula dimenangi oleh Mashitoh Abu dari Jabatan Pendaftar dan tempat ketiga dimenangi oleh Hasairy Ariff Arifin. Pemenang menerima trofi serta hadiah berupa hamper yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Senator Ismail B. Kassim.

UCAPTAMA TAHUNAN REKTOR

Majlis Ucaptama Tahunan Rektor KUKUM telah diadakan pada 20 Mac 2003 lalu di Auditorium Taman Budaya Negeri Perlis. Seluruh warga KUKUM telah hadir ke majlis yang diadakan julung kali itu. Majlis Ucaptama ini merupakan acara tahunan siri ucapan Yang Berbahagia Rektor bertujuan bagi menyampaikan sasaran, matlamat dan perancangan KUKUM bagi tahun tersebut. Majlis Bacaan ikrar dari staf dan juga pelajar KUKUM juga turut diadakan. Semoga seluruh warga KUKUM menjadikan Ucaptama Yang Berbahagia Rektor sebagai satu amanat dan juga tanggungjawab bagi meneruskan kecemerlangan KUKUM!

KEJOHANAN SUKAN STAF IPTA DI SABAH

Buat julung kalinya KUKUM telah menyertai Kejohanan Sukan Antara Staf Universiti-universiti Malaysia kali ke 28. Pada tahun ini Universiti Malaysia Sabah telah menjadi tuan rumah bagi kejohanan yang bermula dari 19 hingga 25 April 2003 lalu. KUKUM telah menghantar seramai 65 orang staf termasuk pegawai-pegawai pengiring bagi menyertai kejohanan tersebut. Acara-acara yang disertai oleh kontijen KUKUM ialah bola sepak, bola jaring, boling tenpin, sepak takraw, dan juga karaoke. Prestasi yang ditunjukkan oleh peserta KUKUM amat membanggakan. Walaupun KUKUM masih setahun jagung, ia tetap menjadi saingan bagi universiti-

universiti sedia yang ada. KUKUM juga telah berjaya memenangi satu pingat perak bagi acara karaoke. Diharap penyertaan yang akan datang dapat memberikan kejayaan yang lebih menggalakkan lagi.

PROGRAM JALAN-JALAN LASAK BERSAMA MENTERI BESAR PERLIS

Pada 23 April 2003 yang lalu, seramai 27 orang terdiri staf dan kakitangan KUKUM telah mengambil bahagian dalam Program Jalan-jalan Lasak Bersama Y.A.B. Dato' Seri Shahidan Kassim. Program berjalan kaki ini adalah sejauh 30 km bermula dari Gua Kelam hingga ke Lapang Sasar, Bukit Ayer. Penyertaan KUKUM telah diketuai oleh Yang Berbahagia Rektor sendiri. KUKUM telah berjaya memenangi tempat pertama bagi kategori jabatan kerajaan dan seorang kakitangan KUKUM iaitu Encik Salim b Yib telah mendapat tempat ke tiga bagi kategori individu. Program-program seperti ini seharusnya diadakan lagi di masa-masa akan datang bagi memupuk semangat jati diri dan patriotik di kalangan staf KUKUM.

PROGRAM MENJANA JURUTERA MASA DEPAN II

KUKUM mengadakan Program Menjana Jurutera Masa Depan II pada 2, 3, dan 4 Mei 2003 ini. Program pada kali ini melibatkan 102 orang pelajar aliran sains dari sekolah-sekolah di negeri Perlis. Y.A.B. Dato' Seri Shahidan b Kassim dijangka hadir seterusnya merasmikan Majlis Makan Malam dan Perasmian Program Menjana Jurutera Masa Depan II ini. Program ini secara tidak langsung dapat mendedahkan ia para pelajar mengenai kepentingan bidang kejuruteraan pada masa depan. Selain itu juga dapat memperkenalkan sistem 'hands-on' yang memberi lebih penekanan kepada amali seperti yang diamalkan di KUKUM. Semoga program ini berjaya memberi pengalaman dan pengetahuan baru dalam bidang kejuruteraan serta dapat memupuk minat para pelajar untuk memilih bidang kejuruteraan sebagai bidang kerjaya dan seterusnya memilih KUKUM untuk melanjutkan pelajaran kelak!